



Tatakelakuan Pembekal

Syarikat Commonwealth War Graves Commission (CWGC) diamanahkan dengan satu penghormatan yang besar untuk menjaga perkuburan, tugu peringatan, rekod, dan kisah mereka dari Komanwel yang telah terkorban semasa berkhidmat, atau akibat konflik dalam kedua-dua Perang Dunia sebelum ini.

Kami ialah organisasi yang memberi penjagaan berterusan setiap hari, dalam semua perkara yang kami lakukan, secara peribadi mahupun melalui cara kami bekerja. Nilai CARE kami sendiri mencerminkan dan menentukan budaya kami dari segi jangkaan, tingkah laku dan standard yang dikongsi bersama, dan kami menjangkakan perkara yang sama daripada mereka yang bekerja dengan kami dan untuk kami.

Dengan menjalinkan kerjasama dengan CWGC, kami mewajibkan anda untuk mengikuti dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai bersama-sama dengan 8 prinsip kelakuan undang-undang dan etika berikut:

 <p>1. Anda mengamalkan langkah-langkah antisogokan dan antirasuah yang berkesan.</p> <p>Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• tidak memberi atau menerima sogokan• tidak membuat "pembayaran wang pelincir" (cth., untuk mempercepatkan atau mendapatkan sesuatu perkhidmatan atau perkara yang dalam kawalan kerajaan)• mematuhi semua undang-undang rasuah yang terpakai dan undang-undang rasuah UK	 <p>2. Anda mengelakkan sebarang konflik kepentingan</p> <p>Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• mengelakkan kepentingan kewangan atau peribadi dalam apa jua perkara yang menyukarkan anda daripada sentiasa bekerja demi kepentingan terbaik CWGC• mengisytiharkan sebarang kepentingan peribadi atau kewangan yang anda miliki, yang mungkin memberi kesan kepada CWGC
---	---



3. Anda tidak akan terlibat atau bertolak ansur dalam sebarang bentuk perhambaan atau pemerdagangan manusia, atau pengeksploitasian terhadap hak asasi manusia yang lain.

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- bukan buruh paksa dengan ancaman atau menggunakan buruh kanak-kanak
- tidak melakukan perhambaan untuk sebarang tujuan
- tidak mengawal pergerakan pekerja anda
- bukan memperdagangkan manusia atau menggunakan orang yang telah diperdagangkan dalam pengoperasian anda
- membayar dengan adil dan tidak menahan gaji
- mempunyai kontrak pekerjaan yang ditetapkan
- mematuhi undang-undang hak asasi manusia



4. Anda akan melayan mereka yang bekerja untuk anda atau dengan anda secara sama rata dan dengan bermaruah serta penuh hormat.

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- tidak membuli, mengganggu atau menakut-nakutkan pekerja anda
- tidak mendiskriminasi
- memberikan layanan yang adil dan sama rata tanpa mengira umur, bangsa, warna kulit, kewarganegaraan, agama/kepercayaan, jantina, status perkahwinan/pasangan, kehamilan/bersalin, jantina atau orientasi seksual
- memenuhi undang-undang kesaksamaan dan antidiskriminasi yang berkaitan



5. Anda akan menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- berkemahiran dan menjalankan latihan yang diperlukan
- pastikan peralatan kerja selamat, diselenggara dengan baik, mematuhi spesifikasi, selamat untuk digunakan dan disimpan
- mematuhi panduan kesihatan dan keselamatan yang disediakan oleh CWGC
- mematuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan yang berkaitan



6. Anda akan melindungi persekitaran daripada bahaya

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- mematuhi semua undang-undang alam sekitar dan berusaha untuk memenuhi standard amalan terbaik tempatan
- meminimumkan kesan persekitaran operasi anda dan barangan dan/atau perkhidmatan yang anda dan pihak ketiga anda sediakan kepada CWGC
- menguruskan sisa secara sah dari sisi undang-undang



7. Anda akan memastikan bahawa tiada produk atau bahan yang diperoleh melalui amalan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika.

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- tidak membekalkan kepada CWGC sebarang bahan atau produk yang diperoleh melalui amalan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika (dan boleh membuktikannya jika diminta berbuat demikian)
- tidak membeli sebarang mineral konflik yang diperoleh dari kawasan konflik



8. Anda akan melindungi harta intelek, data dan maklumat sulit kami daripada akses atau penggunaan yang tidak dibenarkan.

Hal ini bermakna anda dan mereka yang bekerja untuk anda:

- menyimpan data CWGC dengan selamat dan penuh kerahsiaan
- tidak berkongsi data CWGC tanpa kebenaran (termasuk kepada subkontraktor anda)
- tidak memakai pakaian berjenama CWGC atau melakukan apa-apa yang boleh memberi gambaran bahawa anda ialah pekerja CWGC
- Mematuhi undang-undang perlindungan data yang diguna pakai
- melaporkan sebarang isu keselamatan data atau maklumat kepada CWGC dengan segera

Kami mungkin meminta anda memberikan maklumat untuk membuktikan pematuhan anda terhadap syarat-syarat ini pada peringkat awal dan sepanjang tempoh kerjasama yang kita jalinkan. Kami tidak dapat bekerjasama atau mungkin menamatkan kerjasama dengan anda jika didapati anda tidak atau tidak boleh mematuhi syarat-syarat ini.

Kami menggalakkan anda tampil bersuara tentang sebarang isu, salah laku atau kelakuan yang tidak beretika dalam mana-mana bahagian operasi atau rantaian bekalan kami. Sila hantarkan kebimbangan anda ke e-mel: concerns@cwgc.org.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau pertanyaan yang berkaitan dengan Tatakelakuan Pembekal ini, sila ajukannya kepada orang hubungan CWGC anda atau hantar e-mel terus kepada Pasukan Pematuhan CWGC di compliance.ethics@cwgc.org.

Kawalan Versi

Nama Dokumen	Tatakelakuan Pembekal (Satu Halaman)		
Versi	1.0		
Pemilik Dokumen		Tarikh Berkuat kuasa	Tarikh Semakan
Penasihat Undang-undang		01/12/2023	01/12/2025